

11/01/1998

Simposium jadi medan lepas geram

Zainuri Misfar

ANWARDI Jamil mungkin secara sinis mempersenda karyawan filem tempatan agar jangan berangan-angan menyertai pembangunan Koridor Multimedia (MSC).

Untuk menyertai MSC, mesti ada modal sekurang-kurangnya RM5 juta.

"Kalau tak ada modal, jangan cakap fasal MSC," kata Anwardi yang turut mendakwa mempunyai syarikat yang terbabit secara langsung dalam MSC.

Jelaslah, kalau Anwardi yang masih dikaitkan sebagai karyawan filem, sudah pesimis dengan masa depan industri perfileman tempatan, bagaimana pula dengan orang lain?

Kita kini berpasrah kepada usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memujuk usahawan Hollywood melabur dalam industri hiburan di negara ini menjadi kenyataan dan hasilnya dinikmati karyawan tempatan.

Di simposium yang sama, Mansor Putih mempersoalkan semua media di negara ini kerana membesar-besarkan promosi filem James Bond - Tomorrow Never Dies, termasuk pelakonnya Pierce Brosnan.

Katanya, Brosnan tidak pandai berlakon. Wan Maimunah lebih baik lakonannya daripada Brosnan atau kebanyakan pelakon Hollywood terkenal.

Dia mencadangkan Kementerian Dalam Negeri (KDN) melarang akhbar, majalah atau televisyen menyiarkan berita hiburan dari luar, terutama Hollywood kerana didakwa tidak mendatangkan faedah kepada rakyat negara ini.

Kenyataan Mansur membuatkan tetamu geleng kepala, mungkin membayangkan mengapa begitu dangkal pemikirannya. Dalam era multi media dan globalisasi ini, apakah yang datang dari luar itu boleh dihalang kemasukannya.

Kalaulah ia dilaksanakan, bermakna Mansor mengajak rakyat negara ini supaya kembali ke bawah tempurung.

PROFESOR Dr Anuar Noor Arai yang diangkat sebagai seorang profesor perfileman dan bertindak menjadi pengerusi sesi kedua simposium FFM ke-13, tidak berfungsi. Sebagai seorang ahli akademik, dia tidak melontarkan idea bernas, tegas dan membina. Tidak hairanlan simposium pada sesi kedua bertajuk Pemikiran dan Falsafah Melayu dalam Perfileman Melayu itu menyebabkan ramai produser atau karyawan filem angkat punggung lebih awal daripada mendengar omong kosong serta bidas-membidas sesama sendiri.

Seorang produser dan pengarah wanita, memberitahu dia kecewa kerana simposium itu menjadi medan melepas geram dengan menghentam mana-mana pihak yang tidak disukai sekali gus jauh menyimpang daripada topik yang sepatutnya dibincangkan.

Seorang lagi produser terkenal menjelaskan dia sudah menjangka simposium sesi kedua bukan membicarakan topik yang disediakan tetapi hanya menjadi tempat untuk memperkecil-kecilkan usaha karyawan lain.

Sayang sekali, mengapa simposium menjadi seperti itu?

Apa yang jelas, penulis menganggap semua panel tidak membuat persediaan rapi seperti yang dilakukan oleh Presiden Persatuan Pengeluar Filem Malaysia (PFM), Tan Sri Kamarul Ariffin yang membentangkan satu kertas kerja lengkap, padat, berisi dan tegas sewaktu membincangkan topik Cabaran Dan Masa Depan Perfileman Malaysia.

Begitu juga dengan Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas), Mohd Shariff Ahmad kerana mengemukakan cadangan dan pandangan yang bersifat benar-benar hendak membantu industri perfileman tempatan.

Kedua-duanya melontarkan persoalan yang jelas dan berterus-terang dengan mengaitkan seluruh masalah itu dengan isu semasa.

Simposium itu secara keseluruhannya menghimpunkan karyawan filem dari pelbagai peringkat, iaitu dari peringkat berkelulusan Sijil Pelajaran

Malaysia (SPM) sehinggalah pemegang Doktor Falsafah (PhD). Daripada sutradara yang hanya menghasilkan satu drama atau filem (termasuk filem yang masih belum ditayang) kepada mereka yang mengarahkan puluhan drama dan lebih lima filem.

Kepada yang berkelulusan tinggi atau intelek mewujudkan satu kasta sehingga menganggap mereka tidak layak mendampingi golongan karyawan marhain. Mungkin itulah yang dinamakan Pemikiran dan Falsafah Melayu dalam Perfileman Malaysia iaitu susah untuk duduk semeja dan sama-sama berfikir membentuk satu falsafah yang jelas dalam dunia filem tempatan, berbanding hanya melontarkan ungkapan tongong pada orang lain.

Sayang juga dalam industri filem sebenarnya wujud "karyawan serpihan" yang dipinggirkan serta tidak dipedulikan oleh masyarakat filem itu sendiri. Lebih malang lagi, mereka ini sebenarnya bijak pandai kerana memiliki ilmu yang tinggi, tapi tidak digunakan sepenuhnya untuk membantu membangunkan industri filem tanah air.

Justeru, untuk memastikan namanya tidak tercicir, "karyawan serpihan" ini seperti mencari publisiti dengan mengaitkan pihak lain yang langsung tiada kena-mengena dengan karya yang dihasilkannya.

Steven Spielberg karyawan seni yang menghasilkan filem dengan teknologi tinggi tidak pernah menyindir atau menghentam filem arahan Woody Allen yang berbau seks. Martin Scorsese atau Francis Ford Coppola, seorang pengarah filem yang dikatakan gemar menghasilkan filem seni tidak pernah mempersoalkan mengapa pengarah dari Belanda, Jan De Bout suka buat filem yang pelik seperti taufan dalam filem Twister atau bas dan kapal persiaran yang sukar dikawal kelajuannya menerusi filem Speed dan Speed 2.

Pengarah lain seperti Orson Welles, Robert Redford, Kevin Costner, Clint Eastwood dan John McTiernan juga tidak pernah memperkecilkan karya masing-masing walaupun mereka mempunyai falsafah, pemikiran dan pendekatan berbeza dalam menghasilkan filem.

Tapi lain pula di Malaysia. Mengapa payah nak bersatu dengan membentuk satu pemikiran untuk memajukan industri perfileman tempatan. Malaysia dengan penduduknya sekitar 20 juta orang tetapi jumlah penonton filem Melayu masih kurang daripada sejuta. Inilah yang seharusnya menjadi pokok perbincangan, bukan bercakaran sesama sendiri.

Di sini, sekurang-kurangnya karyawan filem tempatan menghormati U-Wei Shaari. Walaupun menghasilkan filem dengan pendekatan dan caranya sendiri, pada masa yang sama jarang dia memperkecilkan usaha orang lain. Buat filem untuk apa filem sekali pun, termasuk filem seni - tidak cukup dengan bermodalkan air liur saja. Tidak semua filem cinta remaja yang dicampur aduk dengan penyanyi popular dan lagu hits boleh buat duit. Apa lagi untuk sebuah filem yang hendak mengajak penonton memahami apa itu warna cahaya, pergerakan kamera dan sebagainya. Mungkin ada penonton, tapi berapa ramai?

Mendidik penonton dengan filem berat dan berseni, tidak boleh drastik. Penonton masuk panggung bukan nak belajar buat filem, tetapi mahu berhibur. Penonton yang sepatutnya hendak dididik ialah penuntut di institusi pengajian tinggi atau pelajar sekolah. Ini sepatutnya difikirkan oleh karyawan filem kita. Mereka inilah antara golongan yang mudah diasuh atau diajak memahami pemikiran dan falsafah Melayu dalam perfileman Malaysia.

(END)